

113  
NO. SOALAN: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI**

**TARIKH : 27.3.2018 ( SELASA )**

**Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan asas penetapan harga petroleum secara mingguan ini berdasarkan perkiraan atau formula mana yang dipakai kerana harga minyak selalu berubah sehingga menyulitkan pengusaha stesen minyak dan pengguna.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Penetapan harga jualan runcit petrol dan diesel secara mingguan telah dilaksanakan mulai 30 Mac 2017 menggunakan mekanisme *Automatic Pricing Mechanism* (APM). Komponen APM terdiri daripada kos produk, kos operasi, margin syarikat minyak dan margin pengusaha stesen minyak. Perubahan kos produk yang meliputi harga di pasaran terbuka dan kadar tukaran matawang akan memberi impak yang besar ke atas harga jualan runcit petrol dan diesel.